

NO. SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]
TARIKH : 8 MAC 2018
RUJUKAN : 10549
SOALAN :**

Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dasar Kerajaan dan syarat-syarat dalam mengiktiraf seseorang yang mempunyai keraguan terhadap kerakyatannya untuk mohon dan kemudian hari dapat diberi kerakyatan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kewarganegaraan Malaysia adalah anugerah tertinggi yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada individu berdasarkan kepada peruntukan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Dalam mempertimbangkan setiap permohonan, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon.